



SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM JABATAN PELAJARAN KELANTAN

MODUL LATIH TUBI

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013

5226/2

TASAWWUR ISLAM

KERTAS 2

SET 2

2 ½ jam

Dua Jam Tiga Puluh Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **tujuh soalan**.
2. **Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.
3. Kesemua lima soalan yang mesti dijawab.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

**[Lihat halaman sebelah
SULIT**

Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

[100 markah]

1. (a) (i) Apakah maksud wahyu. [2 markah]
 (ii) Terangkan **dua** akibat jika mengamalkan ilmu tanpa bimbingan wahyu. [4 markah]
 - (b) Media massa adalah alat komunikasi yang sangat penting.
 (i) Nyatakan **dua** kebaikan media massa kepada pelajar. [4 markah]
 (ii) Bagaimanakah cara anda mengawal diri agar tidak terpengaruh dengan unsur negatif yang terdapat dalam media massa? [4 markah]
 - (c) (i) Nyatakan maksud sekularisme. [2 markah]
 (ii) Huraikan **dua** kesan buruk terhadap individu yang mengamalkan fahaman sekularisme [4 markah]
2. (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan Waqi'iyah? [2 markah]
 (ii) Terangkan **dua** contoh kesederhanaan mengikut prinsip waqi'iyah. [4 markah]
 (iii) Jelaskan **dua** keistimewaan beribadat berlandaskan prinsip waqi'iyah [4 markah]
 - (b) (i) Terangkan maksud murunah. [2 markah]
 (ii) Nyatakan **dua** kelebihan mengamalkan sifat murunah. [4 markah]
 - (c) Islam memberi kebebasan beragama kepada manusia. Nyatakan **dua** bukti kebebasan tersebut. [4 markah]
- 3 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan sistem sosial dalam Islam? [2 markah]
 (ii) Jelaskan **dua** ciri sistem sosial dalam Islam. [4 markah]
 (iii) Terangkan **dua** matlamat utama sistem sosial Islam. [4 markah]
 - (b) (i) Huraikan **dua** kesan jika manusia mengabaikan tanggungjawab sebagai khalifah dimuka bumi. [4 markah]
 - (c) Antara tugas hakim ialah membebaskan tertuduh jika terdapat keraguan dalam perbicaraan.
 Jelaskan **tiga** hikmat melaksanakan tugas tersebut. [6 markah]

4. (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan harta adalah amanah Allah? [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** peraturan memiliki harta mengikut peraturan syarak. [4 markah]
- (b) (i) Huraikan **dua** sebab Allah melarang perbuatan manipulasi. [4 markah]
(ii) Cadangkan **dua** cara mencegah amalan manipulasi. [4 markah]
- (c) Sebagai seorang pelajar, jelaskan **tiga** cara anda membelanjakan harta kejalan yang diredai Allah S.W.T. [6 markah]
5. (a) (i) Apakah maksud perundangan Islam? [2 markah]
(ii) Huraikan **dua** keistimewaan perundangan Islam. [4 markah]
- (b) Antara matlamat pekahwinan ialah melahirkan keluarga yang bahagia.
(i) Terangkan **dua** peranan ibubapa untuk mencapai matlamat tersebut [4markah]
(ii) Nyatakan **dua** kesan buruk jika matlamat tersebut tidak dilaksanakan. [4 markah]
- (c) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan hukum wajib? [2 markah]
(ii) Huraikan **dua** akibat sekiranya anda melanggar hukum wajib. [4 markah]
6. (a) Pemerdagangan kanak-kanak adalah perbuatan dilarang dalam Islam.
(i) Jelaskan **dua** punca berlakunya masalah tersebut. [4 markah]
(ii) Terangkan **dua** usaha untuk mengatasi masalah pemerdagangan kanak-kanak. [4 markah]
- (b) Islam menyuruh umatnya bekerja bagi menyara keluarga.
(i) Nyatakan **dua** ciri pekerjaan yang disukai Allah. [4 markah]
(ii) Terangkan **dua** hikmat terhadap individu yang melakukan pekerjaan dengan ikhlas kepada Allah S.W.T. [4 markah]
- (c) Jelaskan **dua** cara sistem muamalah Islam untuk meyelesaikan masalah kemiskinan dikalangan umat Islam. [4 markah]

7. (a) Terangkan **dua** cara untuk mengukuhkan ekonomi keluarga [4 markah]
- (b) Huraikan **dua** cara untuk mencapai keharmonian dalam hubungan sesama pelajar. [4 markah]
- (c) Tingkah laku tidak menghormati guru dalam kalangan pelajar sangat membimbangkan.
- (i) Terangkan **dua** akibat tingkahlaku tersebut terhadap persekitaran sekolah. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** cara yang boleh anda lakukan bagi mengatasi masalah tersebut. [4 markah]
- (d) Senaraikan **empat** ciri keluarga bahagia menurut Islam. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT